

## **Teks Ucapan Perasmian**

**PROF. DATUK DR. MOHD HARUN BIN ABDULLAH**  
**Naib Canselor**  
**Universiti Malaysia Sabah**

**Sempena Majlis Penyampaian Sijil Tamat *Bridging***  
***Programme* Pembantu Makmal Sesi 2015/2016**  
**17 Mei 2017 | 2.30 Petang**  
**Galeri Majlis, Bangunan Canselori**

## **BISMILLAHIR RAHMANIR RAHIM**

Assalamualaikum WBT, Salam Sejahtera dan Salam  
Negaraku Malaysia.

Terima kasih saudara pengacara majlis.

### Salutasi

- Yang Berusaha, En. No'man Datuk Hj. Ahmad Pendaftar, Universiti Malaysia Sabah
- Prof. Madya Dr. Mohd Rosni Sulaiman, Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Akademik *Bridging Programme* Sesi 2015/2016

- Ketua-Ketua Jabatan
- Seterusnya tuan-tuan dan puan-puan yang diraikan pada hari ini.

Syukur kepada Allah Subhanahu Wataala kerana dengan keizinan-Nya, kita dapat bersama-sama meraikan Majlis Penyampaian Sijil Tamat *Bridging Programme* Pembantu Makmal Universiti Malaysia Sabah Sesi 2015/2016 pada hari ini.

Tahniah saya tujukan kepada semua para penerima sijil yang diraikan serta hadirin yang telah sama-sama menyumbang tenaga demi menjayakan program ini yang turut hadir bagi berkongsi kegembiraan pada hari ini.

**Hadirin Hadirat yang dihormati sekalian,**

Sebagaimana yang telah dimaklumkan oleh Pendaftar sebentar tadi, pada hari ini kita akan meraikan seramai 31 orang yang telah menamatkan *Bridging Programme* dengan jayanya.

Sesungguhnya, tidak ada kejayaan yang diperoleh dengan petikan jari atau dengan berdoa serta menunggu ianya jatuh dari langit. Saya percaya, dengan komitmen belajar sambil bekerja selama dua tahun, detik ini amat ditunggu-tunggu bukan sahaja oleh para peserta tetapi mereka yang mendukung dan mendoakan mereka saban waktu iaitu suami, isteri, ibu dan bapa, juga anak-anak.

Selaku Naib Canselor UMS, saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada seluruh peserta, para tenaga pengajar dan pihak urusetia yang telah sama-sama berganding bahu untuk menjayakan program ini. Sesungguhnya, pihak pengurusan UMS akan sentiasa menyokong dan memberi laluan kepada kakitangan dalam program pembelajaran sepanjang hayat atau *long life learning* agar kompetensi dan pengetahuan kakitangan dalam bidang masing-masing akan dapat dipertingkatkan.

Sebagaimana yang anda sedia maklum, program ini telah dijalankan selama dua tahun. Seluruh pihak yang terlibat telah sama-sama mencurahkan tenaga dan pengorbanan sepanjang tempoh tersebut. Anda selaku kakitangan yang bekerja dan menghadiri kelas pada waktu malam dan hujung minggu pastinya lebih merasai hari-hari yang sukar dan mencabar. Justeru, saya menyeru kepada semua peserta agar menghargai seluruh usaha dan pengorbanan yang telah anda sendiri lakukan, tidak ketinggalan juga sokongan dan pengorbanan ahli

keluarga demi melihat anda berjaya. Saya berharap agar anda aplikasi segala ilmu yang dipelajari dalam tugas seharian agar kompetensi sentiasa dapat dipertingkatkan. Ingatlah, ilmu yang tidak diamalkan bagaikan pohon yang tidak berbuah. Ianya akan hilang mengikut arus masa jika tidak dipraktikkan.

***Hadirin dan hadirat sekalian,***



Sebelum mengakhiri ucapan ini, sekali lagi saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua peserta yang akan dianugerahi sijil dan berdoa semoga anda semua akan dimurahkan rezeki oleh-Nya. Saya ingin berpesan kepada semua, masa depan anda dicorakkan dengan apa yang anda lakukan pada hari ini, dan hari semalam jangan dilupakan kerana ia akan menjadi sejarah buat panduan untuk masa hadapan.

Akhir kata, syabas dan tahniah juga kepada semua tenaga pengajar, pihak urusetia serta pihak yang terlibat dalam menjayakan majlis pada hari ini.

Dengan lafaz ***Bismillahi Rahmanir Rahim***, saya merasmikan **Majlis Penyampaian Sijil Tamat *Bridging Programme* Pembantu Makmal Universiti Malaysia Sabah Sesi 2015/2016.**

Sekian, *Wabillahitaufik* *Walhidayah*  
*Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh*